



KENYATAAN MEDIA YAB PERDANA MENTERI

BELANJAWAN 2021: RM322.5 BILION BAGI MENJAMIN KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN KELANGSUNGAN EKONOMI DEMI KEMAKMURAN BERSAMA

Belanjawan Tahun 2021 yang bernilai RM322.5 bilion, yang baharu dibentangkan di Parlimen pada hari ini, adalah penzahiran konsep Prihatin Rakyat yang didokong teguh oleh Kerajaan Perikatan Nasional. Walaupun Negara berada dalam situasi yang sukar dan mencabar, kebajikan rakyat tidak akan diabaikan sama sekali. Ini merupakan tekad Kerajaan dalam memastikan wabak COVID-19 ditangani dengan berkesan, bagi menjamin matlamat kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan serta ketahanan ekonomi.

Belanjawan ini juga mencerminkan hasrat dan keperluan rakyat dan perniagaan, hasil maklum balas daripada 6,000 respons yang diterima melalui pelbagai platform dan sesi libat urus. Kerajaan telah menggubal sebuah Belanjawan yang berprinsip **melindungi (*protect*)** rakyat dan perniagaan dan membantu mereka untuk **melonjak kembali (*rebound*)**, serta **menjamin (*secure*)** masa depan mereka yang lebih berdaya tahan dan lestari. Kerajaan sedar bahawa yang paling membimbangkan rakyat adalah kesihatan mereka dan punca rezeki bagi menyokong kelangsungan hidup masing-masing.

Sehubungan itu, Kerajaan tidak akan berkompromi dalam soal memastikan rakyat sentiasa dilindungi. Ini jelas dilihat melalui peruntukan yang tertinggi untuk Rakyat dalam Belanjawan 2021 ini berbanding belanjawan Negara yang pernah dibentangkan sebelum ini. Pelbagai langkah yang digubal bukan sahaja bagi keselamatan dan kelangsungan hidup rakyat untuk hari ini, tetapi juga bagi membantu rakyat membina sebuah masa depan yang lebih kukuh.

Belanjawan 2021 ini juga akan meneruskan momentum yang telah dicapai selepas pelaksanaan empat pakej rangsangan terdahulu yang berjumlah **RM305 bilion** iaitu PRIHATIN, PRIHATIN PKS+, PENJANA dan KITA PRIHATIN.

Kesejahteraan Rakyat

Melalui Belanjawan 2021, pelbagai jenis bantuan, subsidi dan insentif yang bernilai keseluruhannya RM28 bilion telah disediakan oleh Kerajaan terutamanya bagi menangani beban kos sara hidup dan memelihara kebajikan golongan rentan.

Selain itu, Kerajaan juga komited bagi memberi peluang dan mengekalkan pekerjaan, memastikan keterangkuman dan menjamin kesejahteraan hidup rakyat. Daripada jumlah ini, bantuan langsung iaitu Bantuan Prihatin Rakyat (BPR), dijangka memanfaatkan sejumlah **8.1 juta rakyat** dengan peruntukan **RM6.5 bilion**.

Kerajaan terus mengambil maklum kebimbangan rakyat tentang kelangsungan hidup mereka, terutamanya dari segi pekerjaan dan punca rezeki. Justeru, Kerajaan bertekad untuk mencapai sasaran **500 ribu peluang pekerjaan baharu** melalui pelbagai program termasuk peningkatan kemahiran dan latihan semula. Sehubungan itu, Kerajaan juga telah mengumumkan pembentukan Majlis Pekerjaan Negara (*National Jobs Council*). Majlis ini akan dipengerusikan oleh saya sendiri dan akan menyelaraskan semua inisiatif Kementerian-Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat.

Belanjawan 2021 ini mengambil pendekatan bersasar untuk memastikan bahawa mereka yang benar-benar memerlukan akan terus mendapat sokongan dan bantuan daripada Kerajaan. Golongan ini merentas kaum dan ideologi, tidak kira di pelosok negeri mana mereka berada.

Pendekatan bersasar ini diambil kira dalam mengizinkan pengeluaran simpanan Akaun 1 KWSP bagi mereka yang telah hilang pekerjaan dan benar-benar terjejas. Begitu juga dengan penambahbaikan Bantuan Pembayaran Bersasar oleh sektor perbankan dari segi kelonggaran pembayaran kepada peminjam yang dikenal pasti.

Kelangsungan Perniagaan

Selain itu, Kerajaan juga akan memastikan sektor perniagaan dan ekonomi terus didorong melalui pelbagai langkah khusus yang bukan sahaja memberi sokongan pembiayaan tetapi juga menambah baik ekosistem perniagaan secara umumnya. Saya yakin Malaysia akan terus kekal sebagai destinasi pilihan kepada pelabur-pelabur asing dan domestik.

Ketahanan Ekonomi

Usaha memastikan ketahanan ekonomi Negara juga adalah antara fokus utama Kerajaan dalam Belanjawan kali ini. Kerajaan komited dalam melaksanakan belanjawan pembangunan, sementara terus mengekalkan disiplin fiskal. Justeru, pemantapan penyampaian perkhidmatan awam juga turut diberikan penekanan.

Prinsip **melindungi (*protect*)**, **melonjak kembali (*rebound*)**, serta **menjamin (*secure*)** juga adalah bertujuan untuk terus menyokong Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Wawasan ini akan menjadi penunjuk arah dasar-dasar kerajaan dalam merapatkan jurang ekonomi, dengan segala hasil kemakmuran Negara dikongsi oleh setiap lapisan masyarakat tanpa mengira kumpulan etnik dan wilayah.

Belanjawan 2021 adalah sebahagian daripada janji Kerajaan untuk mencapai kesejahteraan dan kemakmuran yang sebenar bagi seluruh rakyat Malaysia, serta untuk memastikan *setiap rakyat terus maju dan makmur bersama*. Kerajaan menyeru agar rakyat Malaysia berganding bahu dan menjunjung semangat solidariti dalam usaha kita memerangi wabak Covid-19 dan cabaran ekonomi semasa.

Teguh kita, menang bersama.

YAB Tan Sri Muhyiddin Hj Mohd Yassin

Perdana Menteri

6 November 2020